

Polis Labuan tangkap 74 orang atas kesalahan dadah dalam tiga bulan

OLEH JAINUDIN DJIMIN
(jainudin@newsabahtimes.com.my)

LABUAN: Polis Wilayah Persekutuan Labuan menangkap 74 orang kerana terlibat dalam penyalahgunaan dadah serta merampas kira-kira anggaran berat 22.06 gram dadah untuk tempoh Januari hingga 20 Mac tahun ini.

Ketua Polis Wilayah Persekutuan Labuan, Superitendan Saiman Kasran, berkata daripada jumlah itu 59 orang ditangkap atas kesalahan mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952, 10 orang ditangkap mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952, tiga orang ditangkap mengikut Seksyen

6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dua orang lagi ditangkap mengikut Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Manakala jumlah berat jenis dadah yang dirampas ialah 18.76 gram dadah jenis syabu dan 3.3 gram lagi dari jenis ganja. Turut dirampas untuk tempoh yang sama ialah beberapa biji pil ecstasy," katanya dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada media di sini.

Terdahulu sebelum itu Supt Saiman telah mengetuai acara perlupusan barang kes jenayah narkotik yang telah diselesaikan sepenuhnya untuk tempoh tahun 2003 hingga tahun 2009.



BAKAR.... Supt. Saiman membakar bahan bukti yang telah selesai sepenuhnya bagi kes yang membabitkan jenayah narkotik sambil diperhatikan oleh DSP Zaidi (dua dari kiri) dan Mayasin (kanan).

Hadir sama menyaksikan acara perlupusan bahan bukti itu ialah Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (I) Ibu Pejabat Polis Sabah, DSP Mohd Zaidi Abdullah, Penolong Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan, Mayasin Matli, dan Penolong Penguatkuasa SPRM Labuan,

Herman Ahad,

Turut sama ialah Penolong Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Labuan, Mohd Zailan Zakhir, Timbalan Ketua Polis Labuan, DSP Zakaria Yussof dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Labuan, DSP Lim Nee Khon.